




UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

UPSI
No.1
IN EDUCATION



SKIM BITARA PELAJAR PASCA SISWAZAH UPSI

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
KAMPUS SULTAN ABDUL JALIL SHAH
35900 TANJONG MALIM
PERAK DARUL RIDZUAN**

UNTUK PERMOHONAN, SILA LAYARI
<https://postgrad.upsi.edu.my>

KANDUNGAN

Bil	Tajuk	Muka Surat
1	Syarat-Syarat Permohonan	3
2	Mod Pengajian Yang Layak Memohon	4
3	Program Baharu Yang Ditawarkan	5
4	Garis Panduan Skim Bitara Pelajar Pascasiswa	6
5	Lampiran A	13
6	Lampiran B	14
7	Penafian	15

Syarat-syarat Permohonan



**MOD
PENGAJIAN
YANG
LAYAK
MEMOHON**

**Mod
Penyelidikan
dan
Kerja Kursus
(Mod B)**



**Mod Kerja
Kursus
(Mod C)**



KATEGORI PELAJAR YANG LAYAK MEMOHON

Tidak bekerja@
bawah
pendapatan
Garis
Kemiskinan

B40

M40

PROGRAM BAHARU YANG DITAWARKAN (SEPENUH MASA SAHAJA)



**SARJANA SASTERA
(SEJARAH)**



**SARJANA PENDIDIKAN
BAHASA TAMIL**



**SARJANA PENDIDIKAN
(PENGAJIAN MORAL DAN
KEWARGANEGARAAN)**



**SARJANA PENDIDIKAN
BAHASA CINA**



**SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN GEOGRAFI)**



**SARJANA PENDIDIKAN
(BAHASA ARAB)**



**SARJANA POLITIK DAN
TADBIR URUS**



**SARJANA SAINS
(SENAMAN DAN
KESIHATAN)**



**SARJANA PENDIDIKAN
TEKNIKAL VOKASIONAL
(EKONOMI RUMAH TANGGA)**



**SARJANA PENDIDIKAN
SAINS**



**SARJANA PENDIDIKAN
TEKNIKAL VOKASIONAL
(TEKNOLOGI KEJURUTERAAN)**



**SARJANA KOMUNIKASI
(PENGAJIAN MEDIA
KONTEMPORARI)**



**SARJANA PENDIDIKAN
TEKNIKAL VOKASIONAL
(SAINS PERTANIAN)**



**SARJANA REKA BENTUK
(PEMBELAJARAN
BERASASKAN GAMIFIKASI)**

GARIS PANDUAN SKIM BITARA PELAJAR PASCA SISWAZAH UPSI

1.0 PENGENALAN

Tujuan Skim Bitara Pelajar Pasca UPSI diwujudkan adalah untuk memberi bantuan kewangan dalam bentuk pengurangan yuran pengajian kepada pelajar-pelajar tempatan yang cemerlang dalam akademik dan tidak menerima biasiswa/bantuan kewangan daripada mana-mana institusi bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana secara sepenuh masa di UPSI.

2.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 2.1 Calon pelajar adalah Warganegara Malaysia.
- 2.2 Cemerlang dalam Ijazah Sarjana Muda (PNGK 3.00 ke atas).
- 2.3 Tidak menerima biasiswa/bantuan kewangan daripada mana-mana institusi bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana di UPSI.
- 2.4 Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib.
- 2.5 Permohonan diperakui oleh Dekan Fakulti.
- 2.6 Tiada ikatan perjanjian dengan mana-mana pihak.
- 2.7 Memenuhi syarat khas program yang telah ditetapkan oleh Fakulti mengikut keperluan program masing-masing.

2.7.1 Sarjana Reka Bentuk (Pembelajaran Berasaskan Gamifikasi)

- a) Pemohon pernah menghasilkan permainan digital atau
- b) Pemohon mempunyai pengalaman dalam amalan gamifikasi sama ada sebagai pereka atau pembangun program gamifikasi, pengajar atau jurulatih dalam konteks pendidikan, latihan korporat atau industri kreatif.
- c) Pemohon perlu melampirkan bukti penghasilan permainan digital atau bukti amalan gamifikasi semasa membuat permohonan.

2.7.2 Program-program lain

Pada masa ini, tiada syarat khas yang ditetapkan bagi program-program lain.

3.0


PENGAJIAN

- 3.1 Peringkat pengajian adalah Sarjana secara sepenuh masa sahaja dan mesti dijalankan di dalam UPSI.
- 3.2 Program pengajian boleh dirujuk seperti di **Lampiran A** dan boleh ditambah dari semasa ke semasa berdasarkan penawaran program akademik baharu yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pendidikan dibawah persetujuan Fakulti.
- 3.3 Pelajar yang mengikuti program dengan yuran RM18,000.00 adalah layak untuk memohon skim bitara ini tertakluk kepada ketetapan fakulti.
- 3.4 Mod pengajian hendaklah mod penyelidikan dan kerja kursus (Mod B) atau mod kerja kursus (Mod C).
- 3.5 Penerima bantuan kewangan tidak dibenarkan membuat pertukaran program pengajian.
- 3.6 Penerima bantuan kewangan adalah tertakluk kepada Peraturan Akademik Pengajian Siswazah yang sedang berkuatkuasa.

4.0

TEMPOH UNTUK MENAMATKAN PENGAJIAN

Pelajar perlu menamatkan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan (*Graduate on Time*) mengikut ketetapan program masing-masing (sehingga pengesahan Senat Universiti). Kegagalan menamatkan pengajian dalam tempoh tersebut akan mengakibatkan tindakan tuntutan ganti rugi dimulakan.



5.0 KEMUDAHAN

Penerima skim akan menerima pengurangan yuran pengajian seperti jumlah berikut:

Kategori Calon Pelajar	Penunjuk Pendapatan Isi Rumah	Yuran Pengajian Tanpa Pengurangan	Yuran Pengajian Selepas Pengurangan	Jumlah Pengurangan Yuran
Tidak Bekerja Atau Bawah Pendapatan Garis Kemiskinan	Tiada pendapatan hingga RM2,208.00		Kadar Yuran Sedia Ada Arus Perdana –Sains & Teknikal: RM6,225.00 – Bukan Sains & Teknikal: RM5,735.00	Kadar Pengurangan Yuran - Sains & Teknikal: RM11,775 – Bukan Sains & Teknikal: RM12,265.00
Golongan B40	Melebihi RM2,208 hingga RM4,360.00	RM18,000.00	60% pengurangan yuran –Sains & Teknikal: RM7,200 – Bukan Sains & Teknikal: RM7,200	Kadar Pengurangan Yuran –Sains & Teknikal: RM10,800 – Bukan Sains & Teknikal: RM10,800
Golongan M40	Melebihi RM4,360 hingga RM9,619.00		40% pengurangan yuran –Sains & Teknikal: RM10,800 – Bukan Sains & Teknikal: RM10,800	Kadar Pengurangan Yuran –Sains & Teknikal: RM7,200 – Bukan Sains & Teknikal: RM7,200

6.0 LAPORAN KEMAJUAN PENYELIDIKAN SISWAZAH (LKPS)

Pelajar perlu menghantar Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) atau slip keputusan peperiksaan pada setiap semester ke Unit Rekod, Institut Pengajian Siswazah melalui Fakulti.

Pengurangan yuran pengajian boleh ditarik sekiranya status laopran kemajuan atau keputusan peperiksaan gagal menunjukkan prestasi yang baik.

7.0 TEMPOH PENAJAAN

Tempoh bantuan kewangan adalah berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan (*Graduate on Time*) mengikut ketetapan program masing-masing.

8.0 GRADUATE SCHOLAR

Penerima skim akan dilantik menjadi *Graduate Scholar* di peringkat Fakulti yang akan membantu penyelia/pensyarah melaksanakan sesuatu kajian/penyelidikan atau dalam pengajaran seperti tutorial, demonstrasi dan kerja makmal/ studio/ bengkel di bawah pengawasan Fakulti

9.0 KEPERLUAN PENERBITAN

Penerima skim perlu memenuhi keperluan penerbitan sebelum menamatkan pengajian seperti berikut:

Program Dan Mod Pengajian	Keperluan Penerbitan
Sarjana Mod Penyelidikan dan Kerja Kursus (Mod B)	Satu (1) prosiding berindeks Scopus ATAU Satu jurnal berindeks ERA
Sarjana Mod Kerja Kursus (Mod C)	Satu (1) prosiding berindeks Scopus ATAU Satu jurnal berindeks Mycite/berwasit

10. PERJANJIAN

Pelajar adalah dikehendaki menandatangani surat perjanjian sebelum mengikuti pengajian. Sekiranya pelajar tidak menandatangani dalam tempoh yang ditetapkan, maka tawara bantuan kewangan ini akan ditarik balik.

11.0 PERINGATAN DAN PENALTI

- 11.1 Pelajar akan diberi peringatan oleh IPS sekiranya menerima status Tidak Memuaskan (TM) / Kurang Memuaskan (KM) buat kali pertama bagi Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS) atau gagal menunjukkan prestasi yang baik dalam peperiksaan akhir.
- 11.2 Skim ini akan ditarik balik sekiranya status pengajian pelajar adalah seperti berikut:
 - a) Pelajar menerima status Tidak Memuaskan (TM) dua (2) semester berturut-turut bagi Laporan Kemajuan Penyelidikan Siswazah (LKPS);
atau
 - b) Pelajar gagal peperiksaan akhir; atau
 - c) Pelajar gagal memenuhi keperluan penerbitan artikel jurnal; atau
 - d) Pelajar Gagal bergraduat dalam tempoh masa yang ditetapkan (*Graduate on Time*).
- 11.3 UPSI berhak untuk menamatkan pemberian Skim Pelajar Bitara UPSI ini tanpa notis kepada penerima skim ini.

12.0**MENERUSKAN PENGAJIAN**

Pelajar yang digantung atau digugurkan daripada skim ini boleh:

- 12.1 Mengemukakan rayuan untuk meneruskan pengajian dengan syarat:
- (a) membayar balik yuran pengajian yang telah dikurangkan sebelum semester baharu bermula; dan
 - (b) membayar sendiri yuran pengajian bagi semester berikutnya;
- atau**
- 12.2 Menarik diri daripada pengajian dan membayar balik yuran pengajian yang telah dikurangkan.

13.0**BAYARAN BALIK YURAN PENGAJIAN**

Pelajar yang digantung atau digugurkan daripada menerima skim ini hendaklah membayar balik yuran pengajian yang telah dikurangkan mengikut semester yang telah diikuti seperti jadual berikut:

- a) Program Bukan Sains dan Teknikal

Kategori Yuran	Semester Pengajian	Yuran Pengajian Tanpa Pengurangan	Yuran Pengajian Selepas Pengurangan	Jumlah Pengurangan Yuran Pengajian
Tidak bekerja atau bawah pendapatan garis kemiskinan	Semester 1	RM6,340.00	RM2,218.30	RM4,121.70
	Semester 2	RM5,830.00	RM1,758.30	RM4,071.70
	Semester 3	RM5,830.00	RM1,758.40	RM4,071.60
	Jumlah	RM18,000.00	RM5,735.00	RM12,265.00
Golongan B40	Semester 1	RM6,340.00	RM2,720.00	RM3,620.00
	Semester 2	RM5,830.00	RM2,240.00	RM3,590.00
	Semester 3	RM5,830.00	RM2,240.00	RM3,590.00
	Jumlah	RM18,000.00	RM7,200.00	RM10,800.00
Golongan M40	Semester 1	RM6,340.00	RM3,920.00	RM2,420.00
	Semester 2	RM5,830.00	RM3,440.00	RM2,390.00
	Semester 3	RM5,830.00	RM3,440.00	RM2,390.00
	Jumlah	RM18,000.00	RM10,800.00	RM7,200.00

b) Program Sains dan Teknikal

Kategori Yuran	Semester Pengajian	Yuran Pengajian Tanpa Pengurangan	Yuran Pengajian Selepas Pengurangan	Jumlah Pengurangan Yuran Pengajian
Tidak bekerja atau bawah pendapatan garis kemiskinan	Semester 1	RM6,340.00	RM2,381.60	RM3,958.40
	Semester 2	RM5,830.00	RM1,921.60	RM3,908.40
	Semester 3	RM5,830.00	RM1,921.80	RM3,908.20
	Jumlah	RM18,000.00	RM6,225.00	RM11,775.00
Golongan B40	Semester 1	RM6,340.00	RM2,720.00	RM3,620.00
	Semester 2	RM5,830.00	RM2,240.00	RM3,590.00
	Semester 3	RM5,830.00	RM2,240.00	RM3,590.00
	Jumlah	RM18,000.00	RM7,200.00	RM10,800.00
Golongan M40	Semester 1	RM6,340.00	RM3920.00	RM2,420.00
	Semester 2	RM5,830.00	RM3,440.00	RM2,390.00
	Semester 3	RM5,830.00	RM3,440.00	RM2,390.00
	Jumlah	RM18,000.00	RM10,800.00	RM7,200.00

14.0 PERMOHONAN

- 14.1 Calon pelajar yang ingin memohon Skim Bitara Pelajar Pasca UPSI dikehendaki membuat permohonan kemasukan menerusi pautan berikut: <https://postgrad.upsi.edu.my>
- 14.2 Calon pelajar dikehendaki mengisi ruangan permohonan Skim Bitara Pelajar Pasca UPSI seperti yang terdapat dalam talian dan melampirkan dokumen-dokumen sokongan serta pengesahan pendapatan isi rumah.
- 14.3 Sekiranya pelajar terpilih untuk ditawarkan Skim Bitara Pelajar Pasca UPSI, makluman akan dibuat menerusi dalam talian bersekali dengan keputusan permohonan kemasukan ke Program Pengajian Siswazah di pautan berikut: <https://postgrad.upsi.edu.my>


LAMPIRAN A

PROGRAM PENGAJIAN

- A. SARJANA SASTERA(SEJARAH)
- B. SARJANA REKA BENTUK (PEMBELAJARAN BERASASKAN GAMIFIKASI)
- C. SARJANA PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (EKONOMI RUMAH TANGGA)
- D. SARJANA PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (SAINS PERTANIAN)
- E. SARJANA PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TEKNOLOGI KEJURUTERAAN)
- F. SARJANA SAINS (SENAMAN DAN KESIHATAN)
- G. SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA ARAB)
- H. SARJANA PENDIDIKAN (PENGAJIAN MORAL DAN KEWARGANEGARAAN)
- I. SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA TAMIL)
- J. SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA CINA)
- K. SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN GEOGRAFI)
- L. SARJANA POLITIK DAN TADBIR URUS
- M. SARJANA PENDIDIKAN SAINS
- N. SARJANA KOMUNIKASI (PENGAJIAN MEDIA KONTEMPORARI)

LAMPIRAN B

CARTA ALIR PERMOHONAN SKIM BITARA PASCA SISWAZAH UPSI



PENAFIAN

Setiap maklumat yang terkandung di Buku Panduan ini adalah tepat dan terkini pada masa ia dikeluarkan. Walau bagaimanapun, maklumat yang didapati di buku panduan ini boleh diubah, disunting atau ditarik semula dari semasa ke semasa dan pihak Institut Pengajian Siswazah tidak bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti berkenaan.